

**Personaliti Islam menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel  
*Tuhan Lebih Sainifik* Karya Farhan Hadi  
*The Islamic Personality from The Perspective of Al-Ghazali  
in Farhan Hadi's Novel "God is More Scientific"***

<sup>1</sup>NURSUHADA BINTI MD ARIFIN

<sup>2</sup>KAMARIAH BINTI KAMARUDIN

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400,  
Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

*<sup>1</sup>nursuhadamdarifin@yahoo.com, <sup>2</sup>kkamaria@upm.edu.my*

**Abstrak** Kajian ini menganalisis dan merumuskan personaliti Islam dalam novel *Tuhan Lebih Sainifik* karya Farhan Hadi. Novel ini dikaji menggunakan konsep personaliti Islam menurut pandangan al-Ghazali. Konsep al-Ghazali digunakan bagi melihat jenis personaliti yang dianjurkan, iaitu personaliti yang terpuji (*mahmudah*) dan personaliti yang tidak terpuji (*mazmumah*). Hasil kajian mendapati aspek personaliti Islam dalam novel ini, iaitu personaliti yang terpuji (*mahmudah*) lebih menyerlah berbanding dengan personaliti yang tidak terpuji (*mazmumah*). Hal ini memperlihatkan personaliti Islam yang terdapat dalam novel ini mampu menjadi wadah dalam mengembangkan nilai Islam dan boleh menyumbang kepada pembentukan peribadi manusia.

**Kata kunci:** Personaliti Islam, Al-Ghazali, *mahmudah*, *mazmumah*, nilai Islam.

**Abstract** This study analyzes and formulates Islamic personality in the novel, "*Tuhan Lebih Sainifik*" by Farhan Hadi. The novel is reviewed by using the concept of Islamic personality according to al-Ghazali. The concept of al-Ghazali is used to look at the types of personalities namely, noble personality (*mahmudah*) and despicable personality (*mazmumah*). The research results revealed the aspects of personality from the novel whereby the noble personality (*mahmudah*) was more noticeable compared to the despicable personality (*mazmumah*). This shows that the Islamic personality depicted in the novel could serve as the bedrock in spreading of Islamic values and contribute to the personal development of men.

**Keywords:** Islamic Personality, Al-Ghazali's, *mahmudah*, *mazmumah*, value of Islam.

## PENGENALAN

Personaliti merupakan aspek penting dalam kehidupan seseorang. Dalam novel Melayu, personaliti merujuk kepada aspek watak dan perwatakan. Personaliti turut dikenali sebagai peribadi, sikap, atau kelakuan. Robert J. Gathel (1982: 4) mendefinisikan personaliti sebagai sifat dalaman seseorang individu yang merangkumi mental, emosi, faktor persekitaran, corak pemikiran dan perasaan yang memberi kesan kepada kehidupan individu. Menurutnya lagi, personaliti berkualiti atau baik dapat menonjolkan diri seseorang individu.

Dalam perspektif Islam, personaliti merujuk kepada perkataan Arab, iaitu sahsiah atau akhlak yang dimiliki oleh seseorang individu. Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud budi, perangai, tingkah laku (tabiat) dan kebiasaan (Fariza Md Sham, 2013: 13). Menurut al-Ghazali (Fariza Md Sham, 2013: 1), personaliti merujuk kepada keadaan jiwa seseorang yang merangkumi keseluruhan diri individu dan meliputi dua aspek, iaitu aspek jasmaniah (luaran) dan rohaniah (dalaman). Al-Ghazali turut menjelaskan personaliti adalah satu kesatuan dan kesepaduan antara perlakuan jiwa antara sifat dalaman dan juga luaran. Dengan kata lain, personaliti menurut al-Ghazali merangkumi aspek yang saling mempengaruhi antara sifat dalaman dan luaran.

Ringkasnya, personaliti merujuk kepada keperibadian, tingkah laku, akhlak, perangai atau perwatakan seseorang yang terhasil daripada faktor dalaman dan luaran individu. Selain itu, personaliti juga dapat mempamerkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu seperti sifat-sifat fizikal (jasmani) dan emosi dalaman (rohani). Personaliti ini juga dapat membezakan antara seseorang individu itu dengan individu yang lain (Fariza Md Sham, 2013: 15).

## KAJIAN LEPAS

Watak menjadi teras dalam sesebuah novel kerana pada keseluruhan novel, wataklah yang memainkan peranan yang dominan. Hal ini demikian kerana bermula daripada watak, timbullah perwatakan, iaitu ciri penting kepada

seseorang watak (S. Othman Kelantan, 1985: 26). Oleh itu, perbincangan mengenai aspek personaliti banyak dicituskan apabila ia berkaitan dengan watak dan perwatakan dalam karya-karya sastera khususnya dalam novel Melayu. Keupayaan pengarang menggembelng aspek personaliti dalam cerita menjadikan aspek ini menonjol berbanding aspek-aspek lain.

Beberapa kajian sastera yang menyentuh mengenai aspek personaliti atau akhlak dalam sesebuah karya telah dilakukan seperti kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang dilakukan oleh Jumali bin Haji Selamat (2001) yang bertajuk “Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel Remaja”. Kajian ini menggunakan Pendekatan Sosiologi Sastera dan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai bahan analisis bagi meneliti cerminan sosial dan nilai murni yang terdapat dalam novel yang dikaji. Kajian ini mendapati bahawa novel-novel remaja mencerminkan kehidupan remaja dalam aspek politik, budaya dan agama. Kajian ini turut menyimpulkan bahawa nilai-nilai murni yang ditonjolkan watak-watak remaja dapat memberi contoh dan teladan yang baik kepada remaja.

Kajian ilmiah yang dilakukan oleh Ernawati Jeffrey (2004) yang bertajuk “Nilai-nilai Moral dan Akhlak dalam Novel *Yang Terindah* karya Anis Ayuni” pula menggunakan Pendekatan Moral untuk melihat nilai-nilai moral dan akhlak yang terdapat dalam novel yang dikaji. Kajian mendapati unsur-unsur akhlak yang terdapat dalam novel tersebut mampu menjadi teladan kepada khalayak pembaca.

Kajian ilmiah turut dijalankan oleh Muhammad Bahari (2003) dengan judul “Unsur-unsur Insaniah di dalam Novel-novel Pilihan Azizi Haji Abdullah”. Dapatan kajian mendapati, unsur-unsur insaniah seperti inderawi, hati nurani dan akliah yang dipaparkan dalam novel karya Azizi Haji Abdullah adalah bertepatan dengan aspek intrinsik novel. Selain itu, kajian ini menyimpulkan bahawa unsur akhlak yang baik mampu mengangkat karya tersebut sebagai sebuah karya Islami.


Namun begitu, ketiga-tiga kajian di atas cenderung melihat aspek cerminan sosial remaja, unsur insaniah serta nilai-nilai murni dalam novel dan tidak memberi fokus kepada aspek personaliti al-Ghazali seperti yang akan dilakukan oleh penulis.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan konsep personaliti menurut pandangan Islam daripada tokoh ilmuwan terkenal al-Ghazali. Konsep personaliti mengikut perspektif al-Ghazali dipilih bagi memahami dengan lebih lanjut lagi mengenai konsep personaliti yang digunakan dalam bahagian analisis kajian. Al-Ghazali (2010: 334), menggariskan beberapa konsep personaliti yang terbahagi kepada dua, iaitu pembentukan personaliti yang terpuji (*mahmudah*) dan juga personaliti yang tidak terpuji (*mazmumah*). Pembentukan personaliti yang terpuji menurut al-Ghazali (2010: 333) adalah berdasarkan kepada jiwa manusia yang mempunyai tingkah laku mengikut syariat Islam. Personaliti yang terpuji ini bermula daripada sifat dalaman seseorang manusia termasuk daripada hati (*al-qalb*), roh, (*al-ruh*), jiwa (*al-nafs*) dan akal (*aql*).

Al-Ghazali turut menjelaskan bahawa personaliti yang baik dapat dicapai apabila seseorang itu dapat mengawal hawa nafsu dan sekali gus menggunakan akal dan hati bagi mencapai tahap ketinggian akhlak. Sebaliknya, pembentukan personaliti yang tidak terpuji berpunca apabila manusia gagal mengawal hati (*al-qalb*) dengan menguasai kekuatan hawa nafsu yang mendorong manusia melakukan kejahatan.

Selanjutnya al-Ghazali turut menjelaskan bahawa personaliti yang tidak terpuji menyebabkan manusia bertindak di luar batasan moral dan akan melanggar perintah agama dan etika masyarakat. Personaliti yang tidak terpuji ini dapat dibaiki dengan *tazkiyah al-nafs* (proses penyucian jiwa) dan *mujahadah al-nafs* (bersungguh-sungguh melawan nafsu). Perlu diketahui bahawa *Tazkiyah al-nafs* adalah satu proses penyucian jiwa daripada kekejian dan kekotoran yang berpunca daripada akhlak yang tercela manakala, *mujahadah al-nafs* pula bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan nafsu atau menghapuskannya. Melalui kedua-dua proses ini sifat-sifat buruk yang terdapat pada seseorang individu itu sedikit demi sedikit dapat dihapuskan dari hati individu sehingga akhirnya sifat-sifat tersebut hilang dari personaliti individu tersebut. Rajah 1 menunjukkan personaliti Islam menurut perspektif al-Ghazali.



**Rajah 1** Personaliti yang terpuji (*mahmudah*) dan personaliti yang tidak terpuji (*mazmumah*) menurut al-Ghazali. (Sumber: *Personaliti daripada Perspektif al-Ghazali*, hlm. 49)

### **Sinopsis Novel *Tuhan Lebih Saintifik (TLS)***

Bacaan awal mendapati novel *TLS* menceritakan tentang konflik keyakinan yang dihadapi oleh protagonis novel, iaitu Dr. Donald, seorang ahli akademik Malaysia yang berbangsa India. Konflik keyakinan Dr. Donald bermula ketika dia sedang melanjutkan pelajaran Doktor Falsafah dalam bidang anatomi di Australia dan mengembara ke England. Dr. Donald pada mulanya dilahirkan dalam keluarga beragama Kristian. Kemudian, dia diceritakan terpengaruh dengan pemikiran Clinton Richards Dawkins, iaitu seorang profesor di universiti yang berfahaman ateis. Novel *TLS* ini turut menceritakan bagaimana Dr. Donald sejak kecil tidak mengamalkan

ajaran mana-mana agama, termasuklah agama Kristian yang diwarisi daripada ibu bapanya. Malah, Dr. Donald sejak kecil ragu terhadap agama Kristian terutamanya mengenai konsep ketuhanan yang bersifat “Ketigaan” (*Trinity*). Keraguan ini menjadikan Dr. Donald cenderung terhadap fahaman ateis yang dianggapnya bersifat “saintifik” kerana menolak Tuhan yang tidak dapat dibuktikan kewujudannya oleh lima indera manusia. Walau bagaimanapun, kecenderungan Dr. Donald terhadap fahaman ateis ini kemudiannya tergugah apabila dia bertemu dengan Dr. Ahmad Zabidi yang merupakan salah seorang ahli akademik Malaysia dalam bidang perubatan dan memiliki pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam. Bertitik tolak daripada pertemuan tersebut, terjadi perbincangan antara Dr. Donald dengan Dr. Ahmad Zabidi tentang ketuhanan. Dr. Donald akhirnya memeluk Islam setelah meyakini hakikat kewujudan Tuhan dan yakin bahawa agama yang dipilihnya itu adalah agama yang benar.

## ANALISIS NOVEL

Analisis yang dilakukan terhadap novel *Tuhan Lebih Saintifik (TLS)* dengan menggunakan konsep personaliti menurut al-Ghazali mendapati bahawa novel ini menentang dua jenis personaliti, iaitu personaliti yang terpuji (*mahmudah*) dan personaliti yang tidak terpuji (*mazmumah*). Personaliti *mahmudah* boleh dilihat menerusi sikap sabar, syukur, tafakur dan reda manakala personaliti *mazmumah* dapat dilihat melalui sikap marah, hasad dengki dan takabur.

### **Personaliti Sabar**

Sabar merujuk kepada sifat tabah yang ditempuhi oleh seseorang dalam menghadapi kesusahan (al-Ghazali, 1990: 21). Sabar mempunyai tiga perkara utama, iaitu dari segi ilmu, hal keadaan dan perbuatan. Apa yang dimaksudkan dengan sabar dari segi ilmu ialah menunjukkan keadaan jiwa seseorang individu itu dalam mengharungi cabaran atau dugaan dalam kehidupannya serta mengawal sifat sabar dengan amal dan ilmu yang dimiliki. Sabar dari segi hal keadaan jiwa dan perbuatan pula merujuk kepada sabar dalam ujian bentuk fizikal, iaitu kesakitan badan serta sabar

dalam menahan nafsu daripada kejahatan (Al-Ghazali dalam Fariza Md. Sham *et al.*, 2013: 82).

Personaliti sabar terserlah menerusi watak Dr. Ahmad Zabidi apabila beliau difitnah oleh Ustaz Hanafi yang cuba menjatuhkan reputasinya sebagai ahli akademik dan juga seorang doktor pakar. Dia telah difitnah dan dituduh murtad dan cuba menyebarkan ajaran sesat kepada para pelajarnya:

“... Gejala murtad di Malaysia sememangnya di tahap membimbangkan. Ia bukan sahaja melanda anak-anak muda liar dan mat-mat rempit. Ia juga melanda golongan profesional dan juga golongan yang berpendidikan tinggi. Memang patut Islam meletakkan hukuman bunuh kepada mereka ini semua. Doktor pakar seperti ini juga darahnya kini halal ditumpahkan demi kemaslahatan agama Islam. “Astaghfirullah...” Dr. Ahmad Zabidi menyandar ke kerusi.

(Farhan Hadi, 2013: 127).

Namun Dr. Zabidi bersikap tenang dan sabar ketika berhadapan dengan tuduhan yang melulu itu. Dia tidak bertindak menurut emosi sebaliknya beristighfar selepas mendengar fitnah yang tidak dijangka itu.

Selain itu, personaliti sabar juga begitu terserlah apabila watak Dr. Donald memuji sifatnya yang tenang dan tidak mudah beremosi apabila dipaksa berhujah melibatkan isu yang dianggap begitu menyentuh sensitiviti agama.

“...Dr. Donald dapat merasakan kerendahan hati dan keunggulan akhlak yang dipamerkan oleh Dr. Ahmad Zabidi. Dia sentiasa bercakap tenang tanpa beremosi...”

(Farhan Hadi, 2013: 160)

Personaliti sabar yang dipamerkan menerusi watak protagonis Dr. Ahmad Zabidi ini bertepatan dengan perspektif Al-Ghazali yang membahagikan personaliti sabar ini kepada tiga perkara, iaitu sabar dari segi ilmu, hal keadaan dan perbuatan.

## Personaliti Syukur

Sebagaimana yang terdapat dalam personaliti sabar, al-Ghazali (1990: 731) turut membahagikan personaliti syukur ini kepada tiga perkara, iaitu dari segi ilmu, hal keadaan dan amal perbuatan. Apa yang dimaksudkan dengan syukur dari segi ilmu ialah pengetahuan individu atau seseorang itu terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Sementara itu, syukur dari segi hal keadaan ialah merujuk kepada perasaan gembira individu itu setelah mendapat nikmat dari Allah SWT. Selain itu, syukur dari segi amal perbuatan pula ialah merujuk kepada perbuatan serta tindakan individu setelah mendapat nikmat tersebut.

Menurut al-Ghazali (1990: 731), syukur adalah perasaan terima kasih atas nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Dari segi istilah, syukur bermaksud menggunakan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan tujuan mentaati-Nya (Hasbi Ash Shiddieqy, 1997: 442).

Oleh itu, personaliti syukur yang ditonjolkan novel *TLS* dapat dilihat melalui watak Dr. Donald setelah memeluk agama Islam. Novel *TLS* ini menceritakan watak Dr. Donald bersyukur kerana ibu yang disayangi akhirnya turut memeluk agama Islam sebagaimana dirinya. Namun, sebelum memeluk agama Islam, novel ini menceritakan bahawa ibunya adalah penganut agama Kristian yang menjadi penentang utama watak Dr. Donald ketika mula-mula memilih agama Islam sebagai panduan hidupnya yang sebelum ini dianggap sesat. Selain itu, Dr. Donald juga bersyukur kerana telah diberi hidayah oleh Allah SWT untuk memilih agama yang suci, benar dan tepat buat dirinya setelah banyak membuat kajian perbandingan mengenai agama-agama lain di dunia. Perasaan syukur ini juga telah membuatkan Dr. Donald ingin berubah dan berhasrat untuk menjadi seorang Muslim sejati. Tanda syukur ini dapat dijelaskan menerusi petikan berikut:

“Air mata kesyukuran mengalir dari pipinya sebaik sahaja mendengar kata-kata ibunya. Dia tidak mampu membalas kata-kata ibunya kerana topeng oksigen masih dilekatkan di mulut dan hidungnya.”

(Farhan Hadi, 2013: 347).



“Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah!” Dr. Donald menyebut ungkapan itu dengan tenang dan jelas. Ada satu perasaan yang unik menerpa ke dalam jiwanya sebaik sahaja mengungkapkan lafaz tersebut. Perasaan itu seolah-olah sedang memberi ketenangan pada hatinya. Ketenangan yang belum pernah dirasakannya sebelum ini. Ketenangan itu mengairi matanya sehingga kelopakannya basah.

(Farhan Hadi, 2013: 313).

Berdasarkan petikan ini, jelas menunjukkan personaliti syukur yang dipamerkan oleh watak Dr. Donald adalah bertepatan dengan perspektif al-Ghazali yang mengutarakan bahawa syukur juga adalah termasuk dalam *maqam* atau tingkat personaliti individu yang menuju kepada keredaan Allah SWT, iaitu terdiri daripada tiga perkara antaranya, dari segi ilmu, hal keadaan dan amal perbuatan. Justeru, personaliti syukur yang dipamerkan oleh Dr. Donald ini adalah melibatkan syukur kepada hal perbuatan kerana dia berasa gembira atas nikmat yang Allah SWT kurniakan. Sehubungan itu, peri penting sifat syukur ini sangat dituntut oleh agama Islam kerana ia adalah suatu perbuatan yang mulia. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu mu dalam keadaan tidak mengetahui apa pun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur.”

(*An-Nahl*: 78).

### **Personaliti Tafakur**

Menurut al-Ghazali (1990: 804), tafakur ialah berfikir atau merenung keindahan ciptaan Allah SWT rahsia kejadian sesuatu dan segala yang terkandung di alam ini. Al-Ghazali dalam Fariza Md Sham *et al.*, (2013: 80) turut membahagikan tafakur kepada tiga bahagian. Pertama, tafakur kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan ketuhanan. Apa yang dimaksudkan dengan tafakur tentang ketuhanan ialah merujuk kepada pemikiran atau berfikir mengenai bukti-bukti kekuasaan Allah SWT. Kedua, tafakur tentang amal perbuatan yang telah dilakukan sama ada berkaitan

tentang amalan kebajikan atau perbuatan yang tidak elok (kejahatan). Tafakur berkaitan dengan amalan kebajikan merujuk kepada fikiran bagaimana cara dan usaha untuk memperbanyakkan amal soleh sebagai bekalan menuju ke akhirat. Sementara tafakur yang dikaitkan dengan perbuatan yang tidak elok (kejahatan) pula merujuk kepada fikiran atau berfikir bagaimana untuk menghindari daripada terus melakukan amalan atau perbuatan jahat. Ketiga, tafakur tentang kesejahteraan hidup yang merujuk kepada memikirkan bekalan dan persiapan di dunia mahupun di akhirat kerana kesejahteraan hidup individu itu adalah bermula daripada bekalan hidup di dunia yang akan di bawa ke akhirat.

Personaliti tafakur dipamerkan melalui watak protagonis Dr. Ahmad Zabidi yang sentiasa bertafakur atas nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada dirinya. Selain itu, Dr. Ahmad Zabidi turut diceritakan mendidik anaknya supaya mengenali Tuhan yang mencipta alam semesta dan bumi semasa usia anaknya masih kecil. Sebagai seorang yang beragama Islam, Dr. Ahmad Zabidi juga percaya bahawa didikan haruslah bermula daripada usia anak yang masih kecil kerana fitrah manusia dilahirkan suci tanpa sebarang dosa. Lebih penting, novel *TLS* ini turut menceritakan Dr. Ahmad Zabidi yang mengaitkan kewujudan Tuhan serta kejadian alam semesta bagi menjawab segala persoalan yang diajukan oleh rakannya Dr. Donald agar memahami dan tertarik dengan keindahan agama Islam yang telah dikurniakan daripada Allah SWT. Personaliti tafakur ini dijelaskan sebagaimana yang terdapat dalam petikan di bawah:

“Teori evolusi itu boleh dikatakan agak mudah. Kalau tuan hendak tahu, berfikir mengenai tuhan, mengenal sifat-sifatnya, mengenal betapa hebatnya tuhan, mengenal betapa penyayangannya tuhan... itu mungkin lebih susah berbanding untuk tahu mengenai teori evolusi. Saya rasa orang yang percaya tuhan itu lebih rajin berfikir dari orang yang percaya teori evolusi,” ujar Dr. Ahmad Zabidi.”

(Farhan Hadi, 2013: 145)

“Ya. Allah jadikan bulan. Allah jadikan bumi. Allah jadikan alam dan Allah ciptakan manusia,” Dr. Ahmad Zabidi mengusap kepala anaknya.”

(Farhan Hadi, 2013: 140)

Dr. Ahmad Zabidi mempamerkan personaliti tafakur dengan mematahkan hujah Dr. Donald yang berfahaman ateis dengan lebih tuntas dan bernas. Personaliti yang dipamerkan oleh Dr. Ahmad Zabidi bertepatan dan relevan dengan perspektif al-Ghazali yang menjelaskan tafakur ialah daya fikir manusia tentang hakikat Allah SWT dengan rasa nikmat. Selain itu, beliau turut menjelaskan mengenai (hikmah) tafakur akan membawa manusia mengetahui rahsia-rahsia Allah SWT, iaitu dengan mengakui bukti keagungan dan kebesaran Tuhan yang Maha Esa. Kepentingan personaliti tafakur ini dapat dilihat sebagaimana firman Allah SWT yang terdapat dalam Surah Ali Imran (ayat 190 – 191) yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan, dan kekuasaan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata) wahai Tuhan kami! “Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”  
(Surah Ali Imran: 190 – 191)

## **Personaliti Reda**

Reda menurut al-Ghazali bermaksud bersedia menerima segala ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan rela hati atau tanpa rasa dukacita. Individu yang reda juga adalah individu yang menerima perintah Allah SWT tanpa ada rasa terpaksa atau membebankannya. Reda menurut bahasa ertinya rela serta menerima dengan hati yang suci manakala, menurut istilah pula, reda adalah menerima dengan senang hati atas segala yang diberikan oleh Allah SWT dalam bentuk hukuman atau ketentuan (qadha) yang telah ditetapkan Nya (Al-Ghazali dalam Fariza Md. Sham *et al.*, 2013: 89).

Personaliti reda terserlah menerusi watak Dr. Donald yang dapat menerima ketentuan oleh Allah SWT apabila novel menceritakan, dia sanggup berpisah dengan isterinya, Jaspal setelah diri memeluk agama Islam. Puan Jaspal enggan memeluk agama Islam dan nekad untuk berpisah dengan Dr. Donald kerana menganggap agama Islam bukan agama yang

terbaik bagi dirinya. Dr. Donald reda dengan apa yang telah berlakudan percaya bahawa setiap perkara yang berlaku mempunyai hikmahnya. Walaupun begitu, Dr. Donald masih berharap agar suatu hari nanti Puan Jaspal akan mengikut jejaknya untuk memeluk agama Islam.

“Saya akan terus pujuk awak. Jika tidak, kita terpaksa berpisah. Agama Islam hanya membenarkan penganutnya memiliki pasangan yang seagama dengannya,” Dr. Donald berterus terang. Meskipun dia amat mencintai isterinya, namun dia lebih mencintai agama yang suci lagi benar ini.”

(Farhan Hadi, 2013: 309)

Pengamatan daripada petikan menjelaskan bahawa Dr. Donald mempamerkan personaliti terpuji, iaitu personaliti reda. Hal ini jelas terserlah apabila Dr. Donald diceritakan membuat keputusan untuk memilih agama Islam daripada isterinya.

Sifat reda adalah sejajar dan sekali gus bertepatan dengan pembentukan sifat yang terpuji (mahmudah) menurut al-Ghazali (2010: 584) yang meletakkan personaliti reda adalah sebagai tingkat yang tertinggi berbanding dengan personaliti-personaliti yang terpuji yang lain seperti sabar, syukur dan tafakur. Reda daripada perspektif al-Ghazali, bermaksud bersedia menerima segala ketentuan Allah SWT tanpa rasa dukacita. Hal ini disebabkan individu yang mencapai tingkat reda adalah bersedia atau rela dengan hukum Allah SWT yang dipertanggungjawabkan dengan segala perintah-Nya.

Selain daripada personaliti yang terpuji (mahmudah) mengikut konsep Islam yang didasarkan oleh perspektif al-Ghazali, terdapat juga personaliti yang tidak terpuji (mazmumah) atau dengan kata lainnya personaliti yang bertentangan dengan sifat terpuji atau cenderung ke arah sifat negatif. Al-Ghazali (1990: 419) berpendapat bahawa individu yang memiliki personaliti yang tidak terpuji berpunca daripada *al-nafs* atau jiwa yang tidak dapat dikawal oleh kekuatan *al-qalb* atau hati. Hal ini kerana, hati tidak dapat mengawal kekuatan nafsu apabila ia dikuasai oleh syaitan. Antara personaliti yang tidak terpuji adalah seperti personaliti marah, hasad dengki, dan takabbur.

## **Personaliti Marah**

Personaliti marah adalah satu sifat yang tercela apabila berada dalam keadaan keterlaluan. Perasaan marah ini mungkin disebabkan oleh beberapa keadaan (Al-Ghazali, 1990: 502). Tanda orang yang marah dapat dikenal pasti menerusi anggota zahiriahnya seperti wajahnya berubah menjadi merah, sendi-sendi badannya menjadi gementar serta perkataan dan perlakuannya menjadi tidak tentu arah (tidak dapat dikawal). Marah dari sudut psikologi adalah perubahan dalam diri atau emosi yang dibawa oleh kekuatan dan rasa dendam demi menghilangkan gemuruh di dalam dada (Fariza Md Sham *et al.*, 2013: 50).

Personaliti marah dalam novel ini terselah menerusi watak Ustaz Hanafi yang memarahi para pelajarinya kerana memaksanya agar membidas serta menyangkal hujah-hujah yang dikemukakan oleh Dr. Donald. Ustaz Hanafi berasa tercabar dan marah apabila tidak berjaya membangkang hujah-hujah dangkal yang dikemukakan oleh orang yang tidak percaya pada agama (Dr. Donald). Personaliti marah ini jelas dipamerkan Ustaz Hanafi apabila dia sering melepaskan perasaan tersebut kepada pelajarinya.

“Dia sesat! Mana boleh diambil kira. Jangan dilayan orang yang sesat. Biarkan dia dengan kesesatan dia. Lebih baik kita fokus pada amal ibadat daripada membuang masa pada perkara yang sia-sia. Kita akan masuk syurga, biarkan sahaja dia masuk ke neraka,” ujar Ustaz Hanafi. “Suaranya ditinggikan.”

(Farhan Hadi, 2013: 23)

“Ini kerja saya. Sebab itulah saya ditugaskan ke sini. Saya tahu apa yang patut buat. Saya tidak perlukan bantuan orang lain untuk siapkan kerja saya,” Ustaz Hanafi meninggikan sedikit suaranya. Dr Ahmad Zabidi tersentak dengan sikap Ustaz Hanafi. Dia pada awalnya begitu gembira mendengar kunjungan penasihat surau itu ke tempatnya. Dia menjangkakan dapat berbincang banyak perkara untuk memaksimumkan aktiviti di surau. Namun sebaliknya yang berlaku. “Satu lagi doktor. Di kawasan ibu negara ini siapa-siapa yang

berceramah tanpa tauliah boleh ditangkap...takut-takut ilmu yang diberi salah dan menjadi sesat,” ujar Ustaz Hanafi dengan suara yang sedikit keras seolah-olah ada dendam kesumat di hatinya.

(Farhan Hadi, 2013: 94 – 95)

Ustaz Hanafi menunjukkan rasa marah dan tidak puas hati terhadap Dr. Ahmad Zabidi kerana mengambil alih tugasnya menyampaikan ceramah dan tazkirah kepada para pelajar di kolej tersebut. Ustaz Hanafi menganggap Dr. Ahmad Zabidi telah mengganggu tugasnya sebagai seorang penceramah dan “ustaz” di kolej tersebut. Personaliti atau perasaan marah yang dipamerkan oleh Ustaz Hanafi ini mengundang rasa tidak selesa Dr. Ahmad Zabidi kerana dia menganggap personaliti Ustaz Hanafi ini adalah lebih baik seiring dengan jawatan yang dipegangnya. Namun, kemarahan Ustaz Hanafi ini mendatangkan malu ke atas dirinya sendiri kerana Dr. Ahmad Zabidi dengan sabar dan berhemah memberitahu tentang kelayakannya dalam bidang agama serta syariah. Hal ini demikian kerana Ustaz Hanafi diceritakan telah memperlekehkan kelayakan Dr. Ahmad Zabidi dalam menyampaikan tazkirah agama kepada para pelajar perubatan.

Personaliti marah yang dipamerkan oleh watak antagonis Ustaz Hanafi bertentangan dengan status yang disandangnya sebagai “ustaz” kerana keperibadian yang ada pada dirinya tidak wajar dicontohi dan diteladani oleh masyarakat. Menurut perspektif al-Ghazali, perasaan marah ini perlu dikawal dengan mengingati kepada Allah SWT dan ia juga memberi impak yang negatif kepada masyarakat. Personaliti marah ini merupakan sifat yang tercela di sisi agama Islam dan Islam amat menggalakkan umatnya menjauhi sikap marah dan memaafkan kesalahan orang lain kerana Allah SWT amat mengasihi hamba-hamba-Nya yang melakukan kebaikan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Ali Imran ayat 133 – 134) yang bermaksud:

“Dan segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang

menahankemarahnya dan orang yang memaafkan kesalahan orang lain. Dan ingatlah Allah mengasihani orang-orang-orang yang berbuat perkara yang baik.”

(Surah Ali Imran: 133 – 134).

## **Personaliti Hasad Dengki**

Menurut al-Ghazali (1990: 526), seseorang yang mempunyai sifat hasad dengki selalunya tidak senang dengan kelebihan yang ada pada orang lain dan dalam masa yang sama menginginkan agar kelebihan tersebut berpindah kepada dirinya seorang sahaja. Al-Ghazali juga menyifatkan personaliti individu yang mempunyai sifat hasad dengki ini tidak memiliki sifat syukur terhadap kurniaan Tuhan. Selain itu, menurut Akmal Hj. Mohd Zain (1984: 369), hasad dengki merujuk kepada perasaan iri hati atau rasa benci terhadap seseorang manakala, Hasbi Ash Shiddieqy (1977: 511) berpendapat hasad dengki ialah perasaan seseorang untuk menarik atau menghilangkan nikmat daripada seseorang supaya berpindah kepada dirinya.

Novel ini menonjolkan personaliti hasad dengki pada watak antagonis Ustaz Hanafi. Ustaz Hanafi merasa iri hati terhadap Dr. Ahmad Zabidi yang mempunyai banyak kelebihan berbanding dirinya. Ustaz Hanafi juga berasa tercabar dan memperlekehkan tazkirah yang disampaikan oleh Dr. Ahmad Zabidi dan menganggap tazkirah yang disampaikan oleh Dr. Ahmad Zabidi adalah sesat dan tidak betul daripada ajaran Islam. Sebagaimana petikan berikut:

“...saya dengar doktor ada memberi ceramah di surau kolej beberapa hari lepas. Betulkah?” raut wajah Ustaz Hanafi agak serius seolah-olah soalan itu terlalu penting buatnya.

“Adalah sedikit...hanya cakap-cakap mengenai perkongsian,” jawab Dr. Ahmad Zabidi ringkas.

“Hmmm...”Ustaz Hanafi berfikir sejenak. Kepalanya dianggukkan tetapi bibirnya dijuihkan. “Memberi tazkirah di surau adalah bagus. Namun, doktor sepatutnya mendapatkan kelulusan daripada pihak atas terlebih dahulu. Saya tidak mahu perkara ini menjadi satu isu kelak. Surau itu saya punya...err, maksud saya surau itu di

bawah jagaan saya.” Ustaz Hanafi mula menjelaskan tujuan asal kedatangannya ke situ...”

(Farhan Hadi, 2013: 92)

Dalam konteks personaliti yang dipamerkan oleh Ustaz Hanafi ini, ia merupakan salah satu perbuatan yang tercela dan ditegah di sisi agama Islam. Sifat hasad dengki ini menurut perspektif al-Ghazali (1990: 529), adalah disebabkan perasaan tidak senang dengan pencapaian orang lain dan membuatkan diri seseorang itu berada dalam kegelisahan kerana bergelumang dengan nafsu, dan meninggalkan kebenaran dan kebajikan. Al-Ghazali menyarankan agar personaliti hasad dengki dihindari dalam kalangan masyarakat kerana sifat ini tidak mendatangkan manfaat kepada manusia. Ia boleh diatasi dengan hati yang ikhlas dan bersungguh-sungguh membuang sifat buruk ini supaya jiwa menjadi tenang dan dapat menampilkan personaliti yang baik (Fariza Md Sham *et al.*, 2013: 55). Selain itu, personaliti hasad dengki ini adalah sifat yang terkeji dan dibenci oleh Allah SWT sebagaimana terdapat dalam al-Quran Surah an-Nisaa’ ayat 32 yang bermaksud:

“Dan jangan kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian daripada kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain”.

(Surah an-Nisaa’: 32)

### **Personaliti Takabbur**

Personaliti Takabbur merujuk kepada sifat membanggakan diri dan merasakan diri sendiri mempunyai kelebihan mengatasi orang lain serta memandang terhadap hina orang lain. Takabbur merupakan sifat tercela dalam personaliti individu yang muncul apabila sifat marah lebih menguasai diri (Al- Ghazali, 1990:613). Menerusi novel TLS, personaliti takabbur ini jelas dipamerkan oleh watak antagonis Ustaz Hanafi. Novel ini menceritakan bagaimana Ustaz Hanafi telah memperlekehkan Dr. Donald yang baru memeluk agama Islam dan memandang rendah akan kemampuan Dr. Donald yang masih ‘baru’ mendalami ajaran Islam dengan menyindir “keislaman” Dr. Donald sebagaimana petikan berikut:



“Saya sudah Islam...saya seorang Muslim,” Dr. Donald begitu girang memaklumkan ke-Islamannya.

“Ohhh...Ok. Bagus!”Ustaz Hanafi mengangguk-angguk sedikit kepalanya. Tidak ada riak kegembiraan di raut wajahnya.

“Sebut lafaz syahadah sudah betul ke, ataupun masih teragak-agap?” soal Ustaz Hanafi. Dia menarik tangannya dari genggamannya Dr. Donald. “Ah, biasalah orang baru. Lidah masih belum keras. Kena banyakan praktis untuk lancar,” mulut Dr. Donald masih tidak lekang dengan senyuman.

“Sah ke Islam kamu kalau ucapan syahadah pun belum betul? Syahadah itu pintu kepada Islam. Kalau pintu syahadah belum sempurna, bagaimana kamu hendak masuk ke dalam rumahnya?” ujar Ustaz Hanafi.

(Farhan Hadi, 2013: 321)

Personaliti takabbur yang dipamerkan oleh Ustaz Hanafi merupakan sifat yang ditegah dan dibenci oleh Allah SWT. Personaliti takabbur yang dipamerkan oleh Ustaz Hanafi muncul apabila dirinya menganggap bahawa dialah yang lebih berilmu atau berpengetahuan mengenai aspek keagamaan (Islam) berbanding dengan watak Dr. Donald yang baru “berjinak-jinak” mendalami ajaran Islam. Hal ini adalah sejajar dengan perspektif al-Ghazali, mengenai faktor-faktor yang mendorong seseorang bersikap takabbur adalah antaranya disebabkan ilmu pengetahuan, amal ibadah, nasab keturunan, kecantikan, kekayaan, kekuatan dan ramai pengaruh. Al-Ghazali turut menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan boleh menjadi punca lahirnya personaliti takabbur dalam hati seseorang kerana merasa mulia dengan ilmu yang dimilikinya sehingga mudah merendahkan orang lain. Personaliti atau sifat takabbur ini juga terdapat dalam Surah al-Mukmin ayat 35 yang bermaksud:

“Demikianlah Allah meteraikan atas hati tiap-tiap orang yang sombong takabbur, lagi bermaharajalela pencerobohnya”.

(Surah al-Mukmin: 35)

Hasil daripada analisis kajian terhadap dua jenis personaliti menurut al-Ghazali jelas menunjukkan bahawa personaliti Islam yang terpuji (mahmudah) seperti sabar, syukur, tafakur dan reda adalah lebih menyerlah

berbanding dengan personaliti yang tidak terpuji (mazmumah) seperti marah, hasad dengki dan takabur yang terdapat dalam novel TLS ini. Personaliti yang terpuji (mahmudah) ini dapat memberikan contoh atau teladan yang baik kepada khalayak pembaca, manakala personaliti yang tidak terpuji (mazmumah) pula dapat dijadikan sebagai pengajaran dan dapat diubah supaya menjadi baik. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Ghazali (2010), iaitu untuk mendapat personaliti atau akhlak yang baik, individu itu haruslah melatih diri kepada proses tazkiyah al-nafs, iaitu proses pembentukan personaliti yang terpuji serta bermujahadah al-nafs (bersungguh-sungguh melawan nafsu) dan riyadah al-nafs (latihan menuju kebaikan). Antaranya seperti perwatakan yang ditampilkan oleh watak Dr. Ahmad Zabidi adalah mempunyai teladan yang baik kerana novel mempamerkan personalitinya yang sabar dan juga tafakur. Watak Dr. Donald pula dihadirkan dengan personaliti yang terpuji seperti syukur dan reda. Selain itu, watak Ustaz Hanafi pula dihadirkan dalam cerita dengan personalitinya yang tidak terpuji, iaitu seorang yang marah, hasad dengki dan takabbur.

Personaliti-personaliti yang disuguhkan melalui watak-watak utama seperti Dr. Donald, Dr. Ahmad Zabidi dan Ustaz Hanafi dapat memberikan gambaran dan contoh yang mudah difahami berdasarkan konsep personaliti al-Ghazali yang menganjurkan bahawa personaliti-personaliti mengikut syariat atau ajaran Islam. Hal ini disebabkan setiap perbuatan atau akhlak yang dimainkan oleh watak-watak dalam cerita ini dapat dilihat melalui kesan yang baik dan buruk yang diterima oleh watak-watak tersebut. Jika baik perbuatannya, maka balasannya juga akan baik atau elok begitulah juga sebaliknya jika buruk perbuatannya maka balasannya yang diterimanya juga adalah buruk. Oleh itu, perlu diingat bahawa secara fitrahnya, personaliti individu Muslim itu adalah baik. Namun begitu, sebagaimana yang dikatakan ia bergantung kepada bagaimana ia dibentuk. Sekiranya ia dibentuk dengan cara yang salah maka ia akan membentuk personaliti yang rosak, buruk atau tidak baik (Fariza Md Sham *et al.*, 2013: 21).

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian terhadap novel TLS karya Farhan Hadi ini, dapat disimpulkan bahawa personaliti Islam yang dipamerkan menerusi watak-watak penting dalam novel ini memainkan peranan yang signifikan kepada pembentukan keperibadian seseorang individu. Personaliti Islam yang dapat dilihat dalam novel ini adalah seperti personaliti sabar, syukur, reda dan tafakur ini adalah mewakili personaliti yang terpuji (mahmudah) manakala, personaliti marah, hasad dengki dan takabbur pula adalah mewakili personaliti yang tidak terpuji (mazmumah). Kedua-dua personaliti ini adalah hasil daripada penyuguhan pengarang dalam menyajikan cerita dan menghadirkan perwatakan yang dimainkan oleh watak-watak penting dalam novel untuk dihayati dan dinilai oleh para pembaca. Justeru, kehadiran personaliti Islam yang terdapat dalam kajian novel ini diharap dapat menjadi tarbiah dan teladan yang baik kepada khalayak termasuk dalam dunia sastera tanah air. Hal ini demikian kerana setiap perbuatan yang baik perlulah dijadikan ikutan dan perbuatan yang buruk perlulah dijadikan pengajaran dan sempadan. Selain itu, dengan menggunakan konsep personaliti Islam mengikut perspektif al-Ghazali ini, ia dapat merungkai dan menjawab beberapa objektif dan analisis di awal perbincangan kajian ini, iaitu mengkaji personaliti mengikut perspektif al-Ghazali, menganalisis jenis-jenis personaliti Islam dan merumuskan personaliti-personaliti Islam menurut perspektif al-Ghazali. Kesignifikan konsep Al-Ghazali ini jelas dapat difahami dengan memberi takrif dan contoh yang sesuai ke arah pembentukan personaliti berdasarkan syariat Islam. Hal ini adalah kerana tingkah laku atau akhlak merupakan aspek yang penting dan asas dalam pembentukan diri manusia. Personaliti ini juga memainkan peranan yang penting dalam hubungan seseorang individu dengan manusia (*hablun minannas*) dan hubungan dengan Allah SWT (*hablun minallah*). Selain itu, personaliti atau akhlak yang baik, mulia dan terpuji adalah amat dituntut dalam Islam. Namun, sebaik-baik akhlak yang harus diikuti adalah menjadikan Rasulullah SAW sebagai model personaliti Muslim yang terbaik kerana akhlaknya yang adalah akhlak al-Quran yang mulia di sisi Allah SWT.

## RUJUKAN

- Al-Ghazali. (1988). *Ihya-Ulumiddin.jil4*. Kuala Lumpur: Penerbit Victory Ajensi.
- Al-Ghazali. (2010). *Ringkasan Ihya'Ulumiddin*. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Al-Quran al-Karim*. (2005). Terj. al-Hidayah Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu.
- Akmal Hj. Mohd Zain. (1984). *Asas pengetahuan agama Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan akhlak dan adab Islam konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Ernawati Jeffrey. (2004). *Nilai-nilai moral dan akhlak dalam novel yang terindah karya Anis Ayuni*. Latihan Ilmiah Kesusasteraan Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Farhan Hadi. (2013). *Tuhan lebih saintifik*. Damansara: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurari Sharifudin. (2013). *Personaliti Islam dari perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Haji Johari Haji Alias. (1990). *Mencari kesempurnaan pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasbi Ash-Shiddieqy. (1977). *Al-Islam Jilid 1*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Imam al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mu'minin pada mencari Reda Rabbil-amin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Imam Al-Ghazali. (1993). *Ramuan ubat penenang hati*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Jumali Selamat. (2001). *Cerminan sosial dan nilai murni dalam novel-novel remaja. Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Bahari. (2003). *Unsur-unsur Insaniah di dalam Novel-novel Pilihan Azizi Haji Abdullah*. Latihan Ilmiah Kesusasteraan Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert J. Gathel, Frederick G. Mears. (1982). *Personality theory, assessment and research*. New York: St. Martin's Press.
- S.Othman Kelantan. (1985). *Teknik mengkaji novel dalaman dan luaran*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.

### **Sumber Internet**

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0709&sec=Keluarga&pg=ke\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0709&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm) (diakses pada 1/12/16).

<http://www.sebarkanbahagia.com/karya-dr-farhan-hadi.html> (diakses pada 1/12/16).

<http://www.sebarkanbahagia.com/dr-farhan-hadi.html> (diakses pada 1/12/16).

